

14/08/1999

Cadangan hakim juga boleh didakwa hina mahkamah

MELAKA, Jumaat - Majlis Peguam Malaysia (MPM) mencadangkan kerajaan menggubal undang-undang penghinaan mahkamah yang antaranya hakim juga boleh disabitkan kesalahan menghina.

Hakim dikategorikan sebagai pegawai bersidang bersama-sama dengan Pesuruhjaya Kehakiman, Pegawai Kehakiman, Majistret, Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perindustrian.

Cadangan itu dikemukakan oleh MPM dalam memorandum draf Akta Kontem Mahkamah 1999 yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu manakala salinan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Selasa lalu.

Presiden MPM, R R Chelvarajah, berkata akta yang dicadangkan itu untuk mentakrifkan penghinaan mahkamah, had kuasa untuk menghukum dan mengawal prosedur berkaitan.

Katanya, memorandum itu tidak merujuk kepada kes tertentu tetapi mencadangkan takrif yang jelas mengenai penghinaan mahkamah dan kuasa mahkamah berkaitan serta skop denda.

"Selain daripada Artikel 126 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 13 Akta Penghakiman Mahkamah 1964 dan Seksyen 99A Akta Subordinate Mahkamah 1950, tidak termaktub apa perlakuan menghina mahkamah dan kadar hukuman," katanya di sini hari ini.

Oleh itu, kata Chelvarajah, mesti ada had hukuman yang dikenakan serta penjelasan bukti seragam untuk sebarang tuduhan menghina sama ada dalam kes jenayah atau sivil.

Mengikut draf Akta Kontem Mahkamah 1999 itu, penghinaan mahkamah ialah kontem jenayah dan kontem sivil.

Kontem jenayah adalah penerbitan akan apa-apa perkara atau perlakuan apa-apa perbuatan adalah palsu dan diniatkan untuk penghinaan mahkamah, mengganggu perjalanan prosiding .

Kontem sivil pula adalah sengaja engkar terhadap apa penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang itu melakukan, menahan diri melakukan suatu perbuatan khusus, writ habeas corpus atau mungkir secara sengaja.

Draf itu juga mencadangkan, hukuman terhadap penghinaan mahkamah ialah penjara sehingga 14 hari atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

(END)